

TEKS UCAPAN

Y. BHG. DATUK WAN SELAMAH BINTI WAN SULAIMAN

AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

SEMPENA

SAMBUTAN HARI INOVASI DAN INTEGRITI JANM 2014

17 OKTOBER 2014

Bismillahirrahmanirrahim.....

Terima kasih saudara / saudari pengacara majlis,

YBhg. Dato' Rosini Abd Samad, Timbalan Akauntan Negara (Korporat), merangkap pengerusi Jawatankuasa Induk Inovasi dan Integriti JANM 2014;

YBhg. Dato' Hawazain binti Shaari, Timbalan Akauntan Negara (Operasi);

Yang Berusaha, Puan Rosmah binti Ismail, Pengarah IPN, selaku tuan rumah,

Pengarah-Pengarah Bahagian Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Pengarah-Pengarah JANM Negeri dan Cawangan, seterusnya tuan-tuan dan puan-puan, warga Jabatan Akauntan Negara Malaysia yang saya hormati dan kasihi sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh. Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia dan selamat pagi.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul pada pagi ini sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM bagi tahun 2014.
2. Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan, dan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Sambutan, yang sudi memberi saya peluang untuk memberikan sepatah dua kata dalam majlis ini.

YBhg. Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

3. Hari Inovasi dan Integriti yang disambut oleh JANM pada setiap tahun amat besar ertinya, apatah lagi pada tahun ini, di mana ianya disambut pada ketika JANM sedang dalam perjalanan mengharungi cabaran transformasi perakaunan ke arah pelaksanaan perakaunan akruan. Saya ingin mengambil kesempatan perjumpaan ini untuk memaklumkan keputusan Kementerian Kewangan, bahawa tarikh pelaksanaan perakaunan akruan akan bermula selepas pelaksanaan secara percubaan (dry-run) bermula 1 Januari 2015.

4. Perkara ini seharusnya diterima dengan hati terbuka dan secara positif oleh seluruh warga

perkhidmatan perakaunan. Ini kerana kita masih diberi sedikit “**masa tambahan**” untuk membuat persediaan sebelum “**Go-Live**” yang sebenarnya nanti.

YBhg. Dato'-Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

5. Seperti semua maklum, tema sambutan pada tahun 2013 iaitu '**Inovasi & Integriti Merealisasi Perakaunan Akruan**' masih dikekalkan pada tahun ini, memandangkan tema ini adalah amat relevan dan bertepatan dengan hala tuju JANM ke arah transformasi sistem perakaunan kerajaan, dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan perakaunan yang lebih cepat, tepat dan

berintegriti. Ini selari dengan tagline Jabatan iaitu *Excellent Accounting @ Your Service*. Ia juga memberi peluang kepada warga JANM untuk menghayati maksud tema tersebut untuk tempoh yang lebih panjang.

6. Sambutan Hari Inovasi pada tahun ini agak berbeza dari tahun-tahun sebelumnya kerana ia diadakan secara berpusat di IPN ini (zon tengah) dengan dihadiri oleh wakil-wakil dari zon-zon lain. Mengambil peluang perjumpaan ini, beberapa acara telah diatitkan iaitu ceramah integriti dan acara sukan Jabatan. Seperti yang telah dimaklumkan oleh saudara pengacara majlis sebentar tadi, beberapa acara seperti lawatan, perkongsian ilmu dan pertandingan pidato juga

telah turut diadakan bersempena dengan Sambutan Hari Inovasi & Integriti JANM 2014.

7. JANM juga telah mengadakan sesi perkongsian pengalaman daripada MERCY Malaysia yang merupakan pemenang Anugerah Inovasi Perdana Menteri Tahun 2013, pada 21 Ogos 2014. Pada tahun ini juga, pertandingan pidato sempena Hari Inovasi & Integriti JANM telah diadakan buat julung kalinya pada 29 ogos 2014.
8. Kepada para pemenang, tahniah diucapkan manakala kepada yang tidak berjaya, sumbangan anda tetap dihargai. Menang atau kalah bukanlah ukurannya, itu memang adat pertandingan, tetapi apa yang lebih penting adalah komitmen yang ditunjukkan di peringkat individu untuk Jabatan.

9. Mengambil kesempatan perjumpaan pada hari ini juga, saya dengan sukacitanya ingin memaklumkan bahawa JANM telah berjaya mendapat lima (5) bintang, dalam Pengiktirafan Bintang Agensi Sektor Awam (SSR) bagi tahun 2012-2013, oleh MAMPU. Pada masa yang sama, JANM juga telah berjaya mengekalkan prestasi cemerlang "*Significantly Exceed Target*" (ST) dalam pelaksanaan HRMIS bagi tahun 2013.

10. Bagi pihak jabatan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan tahniah dan ribuan terima kasih kepada semua warga JANM di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan ke arah pencapaian ini. Ini adalah bukti penghayatan dan pembudayaan nilai kerja

berpasukan dan integriti oleh warga JANM. Syabas saya ucapkan.

YBhg. Dato'- dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian

9. Bajet 2015 yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Oktober yang lalu menitikberatkan keseimbangan di antara *capital economy* dan *people economy*.
10. Jika diperhatikan, Bajet kali ini menyentuh hampir keseluruhan kumpulan rakyat Malaysia. Sebagai penjawat awam, kita harus bersyukur di atas keprihatinan Kerajaan dalam memberikan beberapa insentif kepada kita. Selain pemberian imbuhan setengah bulan gaji atau minima RM500, penjawat awam juga kini boleh memohon dana dari Program MyBrain 15 untuk melanjutkan

pengajian secara separuh masa di universiti-universiti tempatan. Ini memberikan pilihan tambahan bagi tuan-tuan dan puan-puan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Rebutlah peluang ini untuk mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran tuan-tuan dan puan-puan. Selain daripada itu, had kelayakan minima pinjaman perumahan juga telah dinaikkan kepada RM120,000.00 dan had kelayakan maksima RM600,000.00. Ini memberi peluang kepada lebih ramai penjawat awam memiliki rumah sendiri.

11. Aspek inovasi terus diberikan penekanan di dalam bajet kali ini dengan sejumlah RM1.3b diperuntukkan untuk program-program berkaitan inovasi .

YBhg. Dato'- dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

12. Adalah menjadi cabaran besar kepada Kerajaan untuk memastikan segala inisiatif yang dirangka dalam agenda transformasi Kerajaan dilaksanakan dengan berkesan dan cekap. Maka, anggota perkhidmatan awam sebagai agen penting Kerajaan dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif ini perlu sentiasa bersedia melakukan inovasi dalam pelbagai konteks, agar objektif yang disasarkan dapat direalisasikan.

13. Saya juga suka berpesan kepada semua warga JANM, bahawa sebagai penjawat awam, kita haruslah menyokong Bajet yang dibentangkan. Fahamilah rasional di sebalik cadangan tersebut, dan adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk memberi kefahaman dan penerangan

kepada masyarakat atau orang awam mengenai Bajet tersebut, contohnya, berkaitan pelaksanaan GST.

YBhg. Dato'- dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian

14. Sebagai penutup, saya ingin mengajak seluruh warga JANM untuk bersama-sama melipat gandakan usaha, inovasi dan integriti serta berdoa ke arah merealisasikan visi Jabatan untuk menjadi sebuah organisasi terbilang dalam bidang perakaunan dan kewangan sektor awam, yang disegani di dalam dan luar Negara. In sha Allah, dengan kerjasama jitu seluruh warga kerja JANM, saya yakin dan percaya ia boleh dilaksanakan.

15. Akhir kata, sekali lagi, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan sambutan Hari Inovasi dan Integriti JANM pada tahun ini.
16. Untuk itu, dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan “**Majlis Sambutan Hari Inovasi dan Integriti Jabatan Akauntan Negara Malaysia Tahun 2014**”.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh. Terima kasih.